

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan Malaysia
Sempena Majlis Perasmian
Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang

(Senarai Salutasi akan diberikan kemudian)

1. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana tampil proaktif dalam menangani isu kenderaan usang di kawasan perumahan strata.
2. Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang ini adalah satu contoh kerjasama kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, kementerian dan pihak swasta yang harus dijadikan teladan di seluruh negara.

Cabaran Isu Kenderaan Usang

3. Kementerian Pengangkutan mengambil maklum bahawa isu kenderaan usang semakin hari semakin meruncing, antaranya;
 - Menyemakkan ruang parkir yang terhad dan menimbulkan ketegangan antara penduduk,

- Menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes dan tikus,
- Malah berpotensi digunakan untuk aktiviti jenayah sekiranya kenderaan dibiarkan terbengkalai.

4. Lebih penting lagi, tanpa mekanisme yang betul, pihak berkuasa tempatan berdepan kekangan untuk melupuskan kenderaan tersebut kerana terikat dengan prosedur undang-undang, kos dan masa.

Peranan MOT & e-Dereg

5. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan telah memperkenalkan sistem e-Deregistration (e-Dereg) – satu platform digital yang membolehkan pemilik kenderaan melupuskan kenderaan secara sukarela, sah, cepat dan telus.

6. Sistem ini mempunyai beberapa kelebihan utama:

- i. Mudah – proses hanya mengambil masa kurang daripada lima minit.
- ii. Mesra pengguna – pemilik tidak perlu hadir ke JPJ.
- iii. Sah di sisi undang-undang – rekod pendaftaran kenderaan dibatalkan pendaftaran di dalam sistem JPJ.
- iv. Selamat & mesra alam – kerjasama dengan Authorised Automotive Treatment Facility (AATF) memastikan kenderaan dilupuskan secara teratur dan mesra alam.

Pulau Pinang Sebagai Perintis

7. Saya amat berbangga kerana Pulau Pinang menjadi negeri perintis melaksanakan program ini secara berskala komuniti, khususnya di kawasan strata. Dengan adanya kerjasama bersama Car Medic sebagai syarikat AATF yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar, pemilik kenderaan kini tidak lagi terbeban dengan prosedur birokrasi atau kos tersembunyi.

8. Malah, inisiatif ini akan memberi contoh kepada negeri-negeri lain untuk melaksanakan pendekatan yang sama.

Sokongan Kerajaan Negeri

9. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memberi sokongan penuh.

10. Malah, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Exco Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang sendiri akan menjadi pemilik yang menggunakan kemudahan e-Dereg ini, dengan menyerahkan kenderaan beliau untuk dilupuskan secara rasmi hari ini.

11. Langkah ini adalah simbolik bahawa kepimpinan negeri bersedia memimpin dengan teladan, dan saya percaya ia akan menggalakkan lebih ramai rakyat untuk tampil secara sukarela.

Closing

12. Saya berharap semua JMB, MC dan komuniti strata dapat menyebarkan maklumat ini dengan meluas. Jadikan ia sebagai peluang untuk membersihkan kawasan perumahan, menjadikan tempat tinggal lebih selesa, teratur dan selamat.

13. Kementerian Pengangkutan komited untuk terus menyokong usaha ini, dan bersedia membantu negeri-negeri lain melaksanakan program yang sama.

14. Dengan sukacitanya saya merasmikan Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang.

Sekian, terima kasih.